

Sidang Kemuncak Khas ASEAN-AS

Biden, pemimpin ASEAN dijadual bincang isu serantau, global

Washington: Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, mempunyai jadual ketat sepanjang kehadirannya di sini semalam, sebelum menghadiri mesyuarat peringkat tinggi dengan Presiden Amerika Syarikat, Joe Biden dan pemimpin ASEAN.

Menteri Luar, Datuk Seri Saifuddin Abdullah, berkata Perdana Menteri akan menyertai Biden dan Naib Presiden AS, Kamala Harris serta pemimpin ASEAN lain dalam Sidang Kemuncak Khas ASEAN-AS yang berlangsung dua hari di sini, bermula hari ini.

Semua 10 pemimpin ASEAN dijadualkan mengambil bahagian dalam sidang kemuncak khas itu kecuali dari Filipina dan Myanmar.

"Saya difahamkan, wakil Myanmar tidak dijemput manakala Presiden Filipina, Rodrigo Duterte tidak hadir sebab pilihan raya umum di negaranya," katanya kepada media Malaysia di sini.

Dilaporkan bahawa Jeneral Kanan Junta Myanmar, Min Aung Hlaing, tidak dijemput susulan insiden rampasan kuasa di negara itu pada 1 Februari 2021.

Biden akan menjadi hos majlis makan malam untuk pemimpin ASEAN di Rumah Putih pada Khamis (Jumaat di Malaysia).

Presiden AS itu dijadualkan

bertukar-tukar pandangan mengenai isu serantau dan global dengan pemimpin ASEAN di Jabatan Negara pada Jumaat (Sabtu di Malaysia).

Saifuddin berkata, ini adalah Sidang Kemuncak Khas ASEAN-AS kedua yang dihoskan oleh Presiden AS di sini, selepas Presiden Barack Obama mengalu-alukan pemimpin ASEAN ke negara itu pada 2016.

Saifuddin berkata, sidang kemuncak khas itu juga menandakan ulang tahun ke-45 hubungan dialog ASEAN-AS.

Beliau berkata, Harris akan turut mengadakan perbincangan dengan pemimpin ASEAN mengenai pelbagai isu termasuk kesihatan, kerjasama maritim, perubahan iklim dan tenaga bersih pada Jumaat (Sabtu di Malaysia) di Jabatan Negara.

"Perdana Menteri dijangka menekankan kepaksian ASEAN dalam kerjasama ASEAN-AS di sidang kemuncak itu," katanya.

Saifuddin berkata, pemimpin ASEAN dijangka membangkitkan, antara lain, isu kepentingan rantau itu dalam perdagangan, ekonomi dan teknologi pada perbincangan itu.

Sidang kemuncak itu dijangka mengeluarkan Kenyataan Wawasan Bersama yang akan menekankan komitmen dan aspirasi bagi meningkatkan kerjasama ASEAN-AS demi kepen-



Ismail Sabri disambut Penasihat Kanan kepada Ketua Protokol AS, Asel Roberts ketika tiba di Joint Base Andrews Washington, Washington DC, semalam.

(Foto BERNAMA)

tingan keamanan yang berkekalan, kestabilan keselamatan dan kemakmuran bersama untuk semua pada penghujung mesyuarat peringkat tinggi itu.

ASEAN, blok di rantau Asia Tenggara, terdiri daripada Brunei, Kemboja, Indonesia, Laos, Malaysia, Myanmar, Filipina, Singapura, Thailand dan Vietnam.

Saifuddin berkata, Perdana Menteri juga akan bertemu Setiausaha Perdagangan AS, Gina

Raimondo dan Wakil Perdagangan AS, Katherine Tai serta ketua-ketua industri Amerika serta Majlis Perniagaan dan Dewan Perniagaan AS-ASEAN.

Terdahulu ketika dalam perjalanan ke Washington kelmarin, Ismail Sabri sempat menghadiri majlis sambutan Aidilfitri bersama Keluarga Malaysia di London, selepas melawat Pameran Tenun Pahang Diraja yang turut berlangsung di kota itu.

Perdana Menteri berkata, kehadiran ramai rakyat Malaysia yang menetap di United Kingdom pada majlis itu mengujakannya.

"Inilah sebenarnya impian saya untuk melihat rakyat Malaysia sebagai satu keluarga besar yang kita panggil keluarga Malaysia," katanya yang meluangkan masa kira-kira tiga jam pada majlis itu untuk bertanya khabar dan beramah mesra dengan hadirin.